

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu usahawan digital Malaysia contohnya seperti MyCar dan Moovby untuk selamat daripada hanya didominasi syarikat gergasi dalam dunia perniagaan seperti Grab.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian turut memainkan peranan dengan menyediakan program dan ekosistem yang kondusif untuk syarikat digital tempatan dan syarikat pemula niaga (*startup*) dalam sektor teknologi untuk kekal berdaya saing dalam pasaran tempatan dan global yang kian kompetitif ini.

Melalui program Pemecutan Pertumbuhan Global atau *Global Growth Acceleration*, Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC) menyediakan bantuan dan khidmat nasihat kepada syarikat teknologi tempatan dalam aspek penjenamaan dan pemasaran, akses kepada pasaran, khidmat mentor dan pakar serta akses kepada peluang pembiayaan bagi meningkatkan kebolehan syarikat pemula niaga untuk berkembang dan bersaing dengan syarikat yang lebih besar di dalam sektor yang sama.

NO SOALAN : 15

Melalui kerjasama dengan agensi kerajaan lain seperti Malaysia *External Trade Development Corporation* (MATRADE) serta rakan industri dan teknologi, MDEC juga membantu syarikat teknologi dan pemula niaga dalam meningkatkan lagi peluang untuk mendapatkan pembiayaan dan meluaskan pasaran mereka di dalam dan luar negara. MDEC juga turut menggalakkan syarikat tempatan untuk saling bekerjasama melalui kaedah perkongsian untuk mendominasi pasaran dalam negeri dan menembusi pasaran luar. Dalam memastikan syarikat tempatan untuk terus meraih peluang dalam situasi pandemik Covid-19 ini, MDEC turut melaksanakan program secara maya yang menyediakan platform untuk berkongsi *trend*, pasaran dan teknologi terkini serta platform untuk mendapat akses kepada tawaran pelaburan oleh rangkaian pendanaan global.

Antara pencapaian terkini program ini adalah seperti berikut :

- a. Enam (6) program pepadanan secara maya antara syarikat dan pelabur untuk peluang pendanaan. Lebih daripada 100 syarikat pemula niaga dan teknologi telah menyertai perjumpaan dalam talian dan dihubungkan terus dengan pelabur. Melalui usaha ini, 15 syarikat telah berjaya menerima dana pelaburan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM138.2 juta;
- b. Lapan (8) program akses pasaran beserta pepadanan perniagaan secara maya dengan 160 perjumpaan dalam talian yang menghasilkan jumlah RM114.7 juta nilai peluang perniagaan; dan
- c. Enam (6) sesi webinar yang memfokuskan bimbingan dan perundingan dalam topik penerapan dan transformasi digital (*Digital Adoption and Transformation*) dalam mengharungi norma baharu.

Di samping itu, bagi menggalakkan pembangunan ekosistem syarikat teknologi dan pemula niaga tempatan dan global, MDEC juga telah melaksanakan inisiatif Malaysia *Digital Hub* (MDH). Inisiatif ini memberikan pengiktirafan kepada lokasi tertentu yang diuruskan oleh pihak swasta yang menawarkan perkhidmatan dan sokongan seperti

NO SOALAN : 15

peluang pembiayaan kewangan, program *mentorship* dan *coaching* kepada syarikat pemula niaga. Sehingga kini, terdapat sebanyak 20 lokasi berstatus MDH yang menempatkan sebanyak 594 syarikat.

Berdasarkan contoh syarikat yang dinyatakan, iaitu syarikat Moovby, syarikat ini juga telah mendapat manfaat melalui program yang dilaksanakan oleh MDEC seperti berikut:

- a. Menyertai program EXPAND dan berjaya menjalinkan kerjasama dengan Traveloka;
- b. GAIN MasterClass: Storeytelling & Media Training pada September 2020;
- c. The Art of Pitching: An Investor Perspective pada Jun 2020 yang dilaksanakan oleh Velocity Venture; dan
- d. SuperSeed II Championship pada bulan Julai 2020 yang dianjurkan oleh Gobi Partners dan MDEC.

Manakala, syarikat MyCar juga turut telah mendapat manfaat melalui program kolaborasi '*Co-Creation*' yang dianjurkan MDEC. Program ini yang bertujuan membantu mengupayakan 1,250 usahawan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengguna pakai platform MyCar bagi tujuan perniagaan - sebagai contoh untuk perkhidmatan penghantaran pesanan dan jualan yang dilaksanakan sewaktu tempoh PKP bermula dari April hingga Ogos 2020. Selain itu, program kolaborasi ini juga melatih dan mengupayakan 500 pemandu motosikal atau kereta ke dalam platform MyCar sebagai pekerja gig untuk mendapat peluang pendapatan tambahan yang masih dalam pelaksanaan sehingga bulan November 2020.